

PERANAN USUL FIQH DALAM PEMBINAAN HUKUM SYARAK

Pendahuluan

Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) Usul Fiqh telah pun diperkenal di peringkat sekolah menengah melalui mata pelajaran Syariah Islamiah sejak tahun 1992. Subjek ini hanya dilaksanakan di semua sekolah menengah aliran agama manakala di peringkat institusi pengajian tinggi (IPT) pula, ia diperkenalkan kepada para pelajar yang mengambil jurusan Syariah serta Pengajian Islam. Sehingga kini, subjek Usul Fiqh telah diperluas dari sudut konsep pengajarannya yang tidak hanya tertumpu di peringkat remaja malah golongan dewasa juga turut berpeluang untuk mempelajarinya. Kesan pengabaian ilmu tersebut menyebabkan lahir segelintir golongan yang berpendirian bahawa hukum-hakam mestilah bersandarkan nas Syarak semata-mata tanpa perlu memahami akan disiplin ilmu yang telah digariskan oleh para ulama sejak zaman berzaman. Justeru, ilmu Usul Fiqh ini sangat berperanan dalam membentuk realiti hukum yang selari dengan ruh syariat. Artikel ini akan cuba menghuraikan definisi serta sejarah ilmu Usul Fiqh dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Seterusnya peranan Usul Fiqh sebagai *framework* atau pasak dalam penetapan sesuatu hukum sebelum ia dapat diaplikasikan dalam kehidupan semasa.

Definisi Usul Fiqh

Perkataan Usul Fiqh berasal dari bahasa Arab dengan dua patah perkataan iaitu 'Usul' dan 'Fiqh'. Perkataan 'Usul' dalam konteks bahasa bermaksud asas terhadap sesuatu perkara. Manakala 'Fiqh' pula adalah pemahaman yang mendalam terhadap sesuatu perkara.¹ Manakala dalam konteks Syarak, Usul Fiqh didefinisikan sebagai suatu kaedah yang diaplikasi oleh seseorang mujtahid untuk mengistinbat sesuatu hukum Syarak yang bersifat amali yang diperolehi dari dalil-dalil yang terperinci.² Oleh sebab itu, ilmu Usul Fiqh ini turut dianggap sebagai dalil kepada fiqh kerana pada ilmu ini terdapatnya himpunan sumber-sumber penting yang merupakan asas utama sebelum sesuatu hukum itu dikeluarkan oleh para fuqaha'.

¹ Abu Zahrah, Muhammad. t.t. *Usul al-Fiqh*. t.t.: Dar al-Fikr al-'Arabiyy. m.s. 6-7.

² Al-Zuhayliyy, Wahbah. 2003. *Al-Wajiz fi Usul al-Fiqh*. Damsyiq: Dar al-Fikr al-'Arabiyy. m.s. 13.

Perkara-perkara Utama dalam Usul Fiqh

Terdapat beberapa perkara utama yang dibincangkan dalam ilmu ini, antaranya:

- Membincangkan berkenaan dalil-dalil Syarak yang bersifat *kulliy*.³
- Menerangkan kaedah pengistinbatan sesuatu hukum.
- Menyelaras struktur pendalilan.
- Satu kaedah dalam mengetahui hukum Allah yang sebenar.
- Menjelaskan *maqasid* (objektif) sesuatu hukum.⁴

Matlamat Usul Fiqh

Di antara matlamat utama memahami Usul Fiqh ialah:

- Membantu para mujtahid dalam mengaplikasi kaedah-kaedah istinbat dalam pengeluaran hukum Syarak yang bersifat amali menerusi dalil-dalil yang *tafsiliyy*.
- Memahami nas-nas Syarak serta mengetahui petunjuk yang diistinbatkan melaluinya.

Sejarah Perkembangan Ilmu Usul Fiqh

Dalam membahaskan perkara ini, ia terbahagi kepada dua sudut iaitu merujuk kepada dua era yang berbeza:

1. Zaman Sahabat dan Tabiin

Pada kedua-dua era berkenaan, tidak terdapat sebarang bentuk teori yang digunakan secara khusus bagi pembinaan sesuatu hukum. Misalnya ketika hayat Rasulullah SAW, sumber hukum yang digunapakai hanya dua perkara sahaja iaitu al-Quran dan metod pengamalan Rasulullah SAW yang dikenali sebagai al-Sunnah. Justeru, sekiranya terdapat kekeliruan mahupun kekhilafan, maka umat Islam akan merujuk dua sumber di atas sebagai mekanisme penyelesaian.

Namun begitu selepas kewafatan Rasulullah SAW, para sahabat telah giat meluaskan dakwah di daerah-daerah persekitaran hingga di luar dari sempadan hijaz (semenanjung tanah Arab). Oleh itu, pelbagai isu baru yang timbul di kalangan masyarakat setempat dan memerlukan

³ Khallaf, 'Abd al-Wahhab. t.t. *'Ilm Usul al-Fiqh*. t.t.: Dar al-Qalam. m.s. 12. Istilah *kulliy* ialah sejenis dalil yang bersifat 'am (lawan bagi 'am ialah *khas*) yang mengandungi jujuk-jujuk hukum lain seperti perintah, tegahan, 'am, *mutlaq*, *ijma' sorih* dan *ijma' sukutiyy*. m.s. 13-14.

⁴ Abu Zahrah, Muhammad. t.t. *op.cit*. m.s. 8-9.

penyelesaian secara tuntas dan efektif. Maka di kalangan para sahabat, ada yang berkemampuan untuk berjihad seperti Khalifah Ali bin Abi Talib, Saidina Abdullah bin Mas'ud serta Khalifah Umar bin al-Khattab. Sungguhpun begitu, dalam satu-satu keadaan ada di kalangan sahabat yang tidak mengetahui beberapa fatwa serta hukum yang telah pun diputuskan oleh Rasulullah SAW sementara sebahagian yang lain pula mengetahuinya lalu meriwayatkan perkara berkenaan. Secara umumnya, tiga sumber tambahan dalam pembinaan Hukum Syarak telah dikenalpasti pada ketika itu seperti Fatwa Sahabat, Qiyas dan Ijmak.

Kesinambungan terhadap sumber di atas menatijahkan dua aliran dalam struktur pembinaan Hukum Syarak iaitu aliran Madrasah Ahlu al-Hadith yang berpusat di Hijaz dan aliran Madrasah Ahlu al-Ra'yi yang berpusat di Baghdad.

2. Zaman Ulama Mazhab

Pada masa ini, telah lahir ramai di kalangan ulama yang bertaraf Mujtahid iaitu golongan yang berkeupayaan dalam mengistinbatkan Hukum Syarak berdasarkan kerangka metodologi yang telah dikaji dengan terperinci. Maka, pelbagai istilah tertentu telah diperkenalkan oleh para Mujtahid yang merupakan antara asas terpenting dalam perbahasan ilmu Usul Fiqh.

Walau bagaimanapun, perbahasan mengenai ilmu Usul Fiqh ini belum pernah dibukukan ketika itu sehingga lahirnya seorang Imam Mujtahid yang bernama Muhammad bin Idris al-Syafie (204H) yang telah melalui pelbagai proses perbincangan mengenai sumber-sumber hukum yang telah dipelajari dan dikaji bersama-sama para ilmuan. Beliau telah meletakkan satu kerangka atau garis panduan khusus bagi mendapatkan kaedah yang bersesuaian dalam penentuan sesuatu hukum. Oleh kerana itu, ia dinamakan sebagai Usul al-Fiqh.⁵

Kitab Usul Fiqh yang ditulis oleh Imam al-Syafie ini berjudul "al-Risalah" yang mengandungi perbahasan mengenai al-Quran dan keterangan hukum-hakam mengenainya, peranan al-Sunnah terhadap al-Quran, autoriti Ijmak dan Qiyas, al-Nasikh dan al-Mansukh, perintah dan larangan (al-Amr dan al-Nahy), keperluan berpegang kepada Hadis Ahad serta pelbagai lagi perkara lain yang turut dibincangkan secara mendalam berasaskan dalil sebagai penguat hujah. Turut

⁵ Abu Zahrah, Muhammad. t.t. *op.cit.* m.s. 12 – 13.

dimuatkan ialah perbincangan di kalangan ulama yang mempunyai kepelbagaian pandangan dalam menghuraikan sesuatu isu.⁶

Apabila bidang penulisan Usul Fiqh ini mula berkembang, maka ramai di kalangan ulama yang telah mengkaji ilmu berkenaan seterusnya menyusun ilmu Usul Fiqh dalam bentuk karya penulisan. Antara karya-karya terawal yang dihasilkan dalam bidang ini seperti *al-Mustasfa* oleh al-Imam al-Ghazali (505H), *al-Mahsul Fi 'Ilm Usul al-Fiqh* oleh al-Imam Fakhruddin al-Razi (606H), *al-Ihkam Fi Usul al-Ahkam* oleh Abi al-Hasan al-Amidiyy (631H), *Kasyf al-Asrar* oleh Bazdawiiyy (483H) serta *Manar al-Anwar* oleh al-Nasfiyy (790H).⁷

Terdapat tiga bentuk aliran dalam Usul Fiqh iaitu aliran yang dikenali sebagai Tariqah al-Mutakallimin, Tariqah al-Hanafiyyah dan Tariqah al-Muta'akhhirin. Tariqah al-Mutakallimin ini dipelopori oleh al-Imam al-Syafie dan diperluaskan oleh Abu Bakar al-Baqilaniyy.⁸

Secara umumnya, Tariqah al-Mutakallimin adalah berpandukan kaedah-kaedah tertentu yang telah digariskan oleh para ulama dalam pengeluaran sesuatu hukum. Antara ciri-ciri yang terdapat dalam metod ini ialah berpegang kepada teori akal secara sederhana serta tidak bersikap fanatik terhadap mazhab tertentu. Selain itu, perbincangan mengenai masalah furu'iyah juga hanya terhad kepada penjelasan serta contoh.⁹ Kaedah-kaedah tersebut merupakan garis panduan sebelum sesuatu hukum diputuskan.

Di antara kitab-kitab Usul Fiqh yang ditulis berasaskan kaedah ini seperti *al-Burhan* oleh al-Imam al-Haramyn 'Abdul Malik bin 'Abdullah al-Juwayniyy (478H), *al-Mustasfa* oleh al-Imam al-Ghazali (505H) dan *al-Mahsul Fi 'Ilm Usul al-Fiqh* oleh al-Imam Fakhruddin Muhammad bin 'Umar al-Razi (606H).

Manakala Tariqah al-Hanafiyyah pula merupakan metod kaedah usuliyyah yang dibentuk berdasarkan penentuan hukum oleh imam-mazhab dalam memutuskan permasalahan furu'iyah berpandukan pendekatan ijtihad. Maka, kaedah usuliyyah yang ditetapkan adalah berpandukan masalah furu'iyah (praktikal). Sekiranya didapati ada sebahagian kaedah tertentu yang tidak dapat diselaraskan dengan

⁶ Zaydan, 'Abd al-Karim. t.t. *Al-Wajiz Fi Usul al-Fiqh*. t.t.: Muassasah Qurtubah. m.s. 16.

⁷ Hasbullah, 'Aliyy. 1982. *Usul al-Tasyri' al-Islamiyy*. t.t.: Dar al-Fikr al-'Arabiyy. m.s. 15 – 16.

⁸ Al-Zuhayliyy, Wahbah. 2003. *Al-Wajiz fi Usul al-Fiqh*. Damsyiq: Dar al-Fikr al-'Arabiyy. m.s. 17.

⁹ *Ibid.*

kaedah-kaedah yang sedia ada maka ia akan diubahsuai agar ada kesinambungan di antara kaedah dengan masalah tersebut.¹⁰

Antara contoh penulisan yang berpandukan metodologi ini seperti *al-Usul* oleh Abu al-Hasan al-Kirhiyy (340H), *Ta'sis al-Nazr* oleh Abu Zayd al-Dabusiyy (430H), *Tamhid al-Fusul fi al-Usul* oleh Syam al-A'imma al-Sarkhasiyy (483H) serta *al-Manar* oleh 'Abdullah Ahmad al-Nasafiyy (790H).

Sementara Tariqah al-Muta'akhhirin pula bercirikan gabungan antara dua metodologi di atas iaitu Metodologi Mutakallimin dan Metodologi Hanafiyyah oleh para ulama dari dua aliran berkenaan. Pada tariqah ini ditetapkan beberapa kaedah usul serta dikemukakan dalil-dalilnya. Seterusnya, kaedah-kaedah tersebut dipadukan dengan masalah-masalah fiqh atau dikaitkan dengannya.¹¹

Antara hasil karya yang berkaitan dengan tariqah ini seperti *Badi' al-Nizam* atau lebih dikenali dengan *Nihayah al-Wusul ila 'Ilm al-Usul* oleh al-Sa'atiyy al-Baghdadiyy al-Hanafiyy (694H), *Tanqih al-Usul* beserta syarahnya iaitu *al-Tawdhih* oleh 'Ubaydullah bin Mas'ud al-Bukhariyy al-Hanafiyy (747H), *Jam' al-Jawami'* oleh Tajuddin al-Subkiyy al-Syafie (771H) dan *Musallam al-Thubut* oleh Muhibbuddin 'Abdul Syakur al-Hindiyy (1119H).

Peranan Usul Fiqh Dalam Metodologi Istinbat Hukum

Secara umumnya, ilmu Usul Fiqh adalah membincangkan mengenai dalil-dalil *tafsiliyy*¹² yang menjadi punca pengambilan sesuatu hukum. Seterusnya, metodologi yang digunapakai dalam kaedah istinbat hukum serta hukum-hukum yang terhasil melalui pengaplikasian metodologi hukum dan dalil-dalil yang berkenaan.¹³

Oleh itu, ilmu Usul Fiqh ini diumpamakan sebagai *al-Mizan* iaitu neraca dalam menentukan sesuatu hukum berdasarkan sebarang bentuk permasalahan atau isu. Hal ini kerana dalam metodologi hukum, para mujtahid telah

¹⁰ Ahmad, Hasan dan Mohd Salleh Ahmad. 2017. *Usul Fiqh dan Qawaidh Fiqhiyyah*. Batu Caves: Pustaka Haji Abdul Majid. m.s. 23.

¹¹ Ab. Latif Muda & Rosmawati Ali @ Mat Zin. 2015. *Perbahasan Usul al-Ahkam*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam. m.s. 20.

¹² Juga dikenali sebagai dalil *juz'i* yang bermaksud petunjuk dalil dalam mengetahui hukum tertentu pada situasi yang tertentu. Sebagai contoh pengharaman zina melalui al-Quran yang meliputi sebarang bentuk kelakuan yang menjerus ke arah gejala perzinaan. Lihat al-Namlah, 'Abd al-Karim bin 'Aliyy bin Muhammad. 1999. *Al-Muhazzab Fi 'Ilm Usul al-Fiqh al-Muqaran*. Riyadh: Maktabah al-Rusyd. Juz. 1. m.s. 31.

¹³ Mohd Fauzi Mohd Amin & Aziah Mohd Jesan. 2011. Matlamat Pembelajaran Ilmu Usul Fiqh Dan Kaedah Fiqh Serta Kedudukannya Dalam Pendidikan Negara Malaysia. *Kajian Syariah Dan Undang-Undang Siri 3*: 71 – 87.

menyusun atur sumber-sumber yang digunakan dalam memperincikan bentuk-bentuk hukum yang bersesuaian sebelum hukum tersebut diistinbatkan. Oleh kerana itu, mana-mana isu yang telah dijelaskan hukum mengenainya secara langsung menerusi al-Quran dan al-Sunnah tidak perlu melalui proses metodologi berkenaan.

Seseorang Mujtahid akan menggunakan ilmu ini bagi mencari penyelesaian terhadap semua bentuk permasalahan khususnya yang berkaitan dengan ibadah *amaliyyah* iaitu ibadah yang bersifat praktikal. Usul Fiqh tidak digunakan untuk mencari penyelesaian berhubung isu-isu yang berkaitan dengan soal akidah. Kebiasaannya, hasil dari penyelidikan yang dilakukan menerusi ilmu ini akan menghasilkan suatu hukum yang bersifat *ijtihadi*. Hal ini kerana, sumber-sumber yang digunakan tidak terhad hanya kepada sumber-sumber primer¹⁴ malah ia turut berkait rapat dengan sumber-sumber sekunder.¹⁵

Sumber primer ini merupakan dalil yang telah disepakati oleh para ulama manakala sumber sekunder pula merupakan dalil yang diperselisihkan di kalangan ulama untuk dijadikan sandaran atau hujah. Walau bagaimanapun, imam-imam mazhab fiqh muktabar telah meneliti kesemua sumber-sumber berkenaan dan telah menyusunnya mengikut keutamaan dalam proses istinbat hukum.

Sebagai contoh, Imam Abu Hanifah dalam metodologi beliau meletakkan al-Quran sebagai sumber utama dalam mendapatkan sesuatu hukum. Sekiranya hukum berkenaan tidak diperolehi maka ia beralih kepada al-Sunnah serta athar Sahabat yang sahih. Namun, sekiranya beliau tidak mendapati sebarang hukum maka beliau akan melihat kepada pandangan sahabat serta berpegang dengannya. Dalam hal ini, Imam Abu Hanifah tidak lagi melihat kepada pandangan selain para Sahabat. Jika beliau mendapati tiada pandangan hukum yang bersesuaian maka pendekatan ijtihad akan digunakan.¹⁶

Manakala bagi Imam Syafie pula, beliau mengutamakan empat sumber dalam pengeluaran hukum iaitu al-Quran, al-Sunnah, Ijma' dan Qiyas. Bagi setiap sumber berkenaan, ia mempunyai kaedah yang tersendiri seperti hendaklah hadis berkenaan bersambung sanadnya sehingga kepada Rasulullah SAW. Malah, perawi bagi hadis berkenaan juga mestilah seorang yang thiqah serta kuat daya ingatannya. Begitu juga hanya ijma' sarih sahaja yang dianggap

¹⁴ Iaitu *al-Quran, al-Sunnah, Ijma'* dan *Qiyas*. Lihat al-Bugho, Mustafa Dib. 1999. *Athar al-Adillah al-Mukhtalaf Fiha Fi al-Fiqh al-Islamiyy*. Damsyiq: Dar al-Qalam. m.s. 18.

¹⁵ Iaitu *Ijma' Ahl al-Madinah, Qawl al-Sahabiyy, al-Istishab, al-Istislah, al-Istihsan, Syar' Man Qablana, al-'Urf, Sadd al-Zara'i', al-Istiqrar* dan *al-Akhz Bi Aqalli Ma Qil*. Lihat *ibid*.

¹⁶ 'Abdul Qadir, al-Saddiq Dhu al-Nur. t.t. *Muzakkirat fi Maddah Tarikh al-Mazahib al-Fiqhiyyah al-Islamiyyah Wa al-Fatawa*. m.s.12.

sebagai hujah dan sandaran hukum. Manakala, Qawl Sahabiyy pula hanya digunakan apabila tidak terdapat khilaf di kalangan sahabat mengenainya.¹⁷

Kesimpulan

Mengetahui selok belok berkenaan metodologi hukum adalah penting bagi para mujtahid agar proses istinbat sesuatu hukum menjadi lebih jitu dengan mengambil kira faktor-faktor yang bersesuaian seperti maqasid, suasana setempat, masa serta keadaan individu itu sendiri. Justeru, inilah antara peranan penting ilmu Usul Fiqh yang meraikan kepelbagaian serta keperluan kehidupan manusia agar sejajar dengan roh Syariat di samping meningkatkan jati diri Muslim agar sentiasa dalam bimbingan wahyu.

RUJUKAN

1. Basmeih, Sheikh Abdullah. t.t. *Tafsir Pimpinan ar-Rahman Kepada Pengertian al-Quran (30) Juz*. Kuala Lumpur: DarulFikir.
2. Ab. Latif Muda & Rosmawati Ali @ Mat Zin. 2015. *Perbahasan Usul al-Ahkam*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.
3. 'Abdul Qadir, al-Saddiq Dhu al-Nur. t.t. *Muzakkirat fi Maddah Tarikh al-Mazahib al-Fiqhiyyah al-Islamiyyah Wa al-Fatawa*.
4. Abu Zahrah, Muhammad. t.t. *Usul al-Fiqh*. t.t.: Dar al-Fikr al-'Arabiyy.
5. Ahmad, Hasan dan Mohd Salleh Ahmad. 2017. *Usul Fiqh dan Qawaidh Fiqhiyyah*. Batu Caves: Pustaka Haji Abdul Majid.
6. Al-Bugho, Mustafa Dib. 1999. *Athar al-Adillah al-Mukhtalaf Fiha Fi al-Fiqh al-Islamiyy*. Damsyiq: Dar al-Qalam.
7. Al-Namlah, 'Abd al-Karim bin 'Aliyy bin Muhammad. 1999. *Al-Muhazzab Fi 'Ilm Usul al-Fiqh al-Muqaran*. Riyadh: Maktabah al-Rusyd.
8. Al-Zuhayliyy, Wahbah. 2003. *Al-Wajiz fi Usul al-Fiqh*. Damsyiq: Dar al-Fikr al-'Arabiyy.
9. Hasbullah, 'Aliyy. 1982. *Usul al-Tasyri' al-Islamiyy*. t.t.: Dar al-Fikr al-'Arabiyy.
10. Khallaf, 'Abd al-Wahhab. t.t. *'Ilm Usul al-Fiqh*. t.t.: Dar al-Qalam.

¹⁷ Ibid. m.s. 15 – 16.

11. Mohd Fauzi Mohd Amin & Aziah Mohd Jesan. 2011. Matlamat Pembelajaran Ilmu Usul Fiqh Dan Kaedah Fiqh Serta Kedudukannya Dalam Pendidikan Negara Malaysia. *Kajian Syariah Dan Undang-Undang Siri 3*.
12. Zaydan, 'Abd al-Karim. t.t. *Al-Wajiz Fi Usul al-Fiqh*. t.t.: Muassasah Qurtubah.